

SOALAN NO. 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato Fauzi bin Abdul Rahman minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian bersedia untuk menzahirkan pusat jagaan bagi membantu warga emas yang tiada zuriat atau keturunan yang mampu menjaganya. Adakah Kementerian bersedia membiayai pusat jagaan swasta sedia ada bagi meringankan beban kewangan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited untuk terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut termasuk persediaan dan perancangan bagi menghadapi peningkatan bilangan warga emas di negara ini. Berdasarkan unjuran oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Tuan Yang DiPertua,

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberi perhatian kepada warga emas yang tiada zuriat dan keturunan yang boleh membantu mereka di hari tua. Bagi warga emas yang tidak mempunyai ahli keluarga untuk menjaga dan menyara hidup warga emas berkenaan,

KPWKM melalui JKM menyediakan 9 buah Rumah Seri Kenangan di Semenanjung Malaysia dan 2 buah di Sarawak, manakala 3 buah Rumah Warga Tua di Sabah yang memberi penjagaan dan perlindungan kepada seramai 1,867 orang penghuni.

Selain daripada itu, bagi warga emas yang terlantar, Rumah Ehsan ditubuhkan oleh JKM untuk memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Pada masa ini, terdapat 2 buah Rumah Ehsan yang menempatkan seramai 216 orang penghuni di mana seramai 191 orang penghuni daripadanya adalah warga emas.

Tuan Yang DiPertua,

KPWKM melalui JKM juga menyediakan bantuan geran tahunan bagi menampung kos makan dan minum (geran rangsum) penghuni serta bantuan kewangan bagi tujuan penyelenggaraan premis Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang menyediakan pusat jagaan dan rumah-rumah perlindungan untuk kumpulan sasar seperti anak yatim, orang kurang upaya dan warga emas. Bagi tahun 2014, hingga bulan Ogos 2014, sebanyak 25 buah PSK yang menyediakan perkhidmatan perlindungan

dan penjagaan kepada warga emas telah disalurkan bantuan geran rangsum berjumlah RM 3.685 juta, membabitkan jumlah penghuni seramai 2,000 orang.

Langkah ini diambil bagi memastikan PSK dapat menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan selesa kepada penghuni yang mendiami premis tersebut. PSK ini perlu berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 sebelum layak dipertimbangkan untuk bantuan geran rangsum dan penyelenggaraan premis daripada KPWKM.

Setakat ini KPWKM tidak menyediakan bantuan kewangan kepada mana-mana pusat jagaan swasta yang menyediakan perkhidmatan berasaskan keuntungan. KPWKM hanya menyediakan bantuan kewangan berbentuk geran tahunan kepada PSK yang memberi perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasar.